

DRAF
TEKS UCAPAN

PROFESOR. DATUK DR. TAUFIQ YAP YUN HIN
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah

SEMPENA
BENGKEL HALATUJU BAJET UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2020/2021
PADA
30 OKTOBER 2019 (RABU),
JAM
10.00 PAGI.

TEMPAT
Hotel Tabung Haji, Kota Kinabalu

Terima kasih saya ucapkan kepada Pengerusi Majlis

Yang Berusaha Prof. Dr. Rasid Mail, Timbalan Naib
Canselor, Akademik Dan Antarabangsa

Yang Berusaha Professor Madya Ts. Dr. Ramzah
Dambul, Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan Dan
Inovasi

Yang Berusaha Puan Vina Zahriani Yusof - Pendaftar
UMS

Yang Berusaha Puan Zallifah Shadan- Bendahari UMS

Yang Berusaha Prof. Dr. Marcus Jopony, Penolong Naib
Canselor, UMS

Yang Berusaha En. Zawawi Bin Tiyunin, Pustakawan,
UMS

Yang Berusaha Prof. Dr. Murnizam Hj. Halik, Pengarah
UMSKAL

Para Dekan/ Ketua JFPIU

ms 4 drpd 33

Dan para hadirin yang saya hormati sekalian

*Assalamualaikum warahmatullahi wabaraktu dan
selamat pagi*

Alhamdullillah, bersyukur kita ke hadrat Allah kerana dengan izinNya dapat kita berkumpul pada pagi ini

dalam Bengkel Halatuju Bajet Universiti Malaysia Sabah 2020/2021.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Bendahari kerana meneruskan usaha menjayakan Bengkel bajet setiap tahun. Seperti yang kita sedia maklum pada tahun 2018, Bengkel Strategi Bajet UMS telah diadakan pada

9-10 Ogos 2018 yang mana bengkel tersebut telah memfokus kepada Bajet berdasarkan KRA Universiti dengan melibatkan semua pegawai peneraju KRA dan ahli KRA masing-masing. Dan hasilnya bengkel tersebut dapat membantu dalam kemampuan KRA universiti sedia ada.

Dalam bengkel kali ini, Universiti akan memfokus kepada keperluan kritikal 2020/2021 seperti emolumen kakitangan kontrak, pensyarah sambilan, penyelenggaraan *preventive & corrective*, perancangan perolehan, projek-projek One-Off yang memberi impak kepada pengajaran & pembelajaran, Projek-projek RMK, keperluan Geran penyelidikan dan penjanaan

pendapatan universiti yang boleh disumbangkan oleh PTJ.

Keberterusannya bengkel ini menunjukkan warga kampus mengambil berat kepada elemen Pengurusan Kewangan Terbaik dan menjadikannya sebagai satu budaya dan amalan di UMS. Saya amat berharap usaha sedemikian akan diteruskan pada masa akan datang

bagi mengekalkan prinsip perbelanjaan berasaskan
"Value For Money".

Para Hadirin sekalian,

Suka saya menarik perhatian semua bahawa,
peruntukan geran mengurus UMS tahun 2019 adalah
sejumlah RM273,570,780 sahaja dan 80% peruntukan

tersebut digunakan untuk membiayai perbelanjaan emolumen tetap dan emolumen kakitangan kontrak akademik UMS. Manakala baki peruntukan 20% digunakan untuk membiayai perbelanjaan utiliti (8%) dan komitmen kontrak bermasa (12%) yang membiayai penyelenggaraan infrastruktur Universiti.

Mulai tahun 2015, UMS tidak menerima geran mengurus bagi membiayai belanja operasi seperti Dasar Baru (DB) untuk pewujudan institut dan pusat penyelidikan serta perbelanjaan modal (One-Off) seperti naik taraf dan pembaikan bangunan serta pembelian peralatan dan aset pembelajaran dan pengajaran.

Kesemua perbelanjaan tersebut terpaksa ditampung menggunakan sumber dalaman universiti termasuklah perbelanjaan-perbelanjaan lain seperti perbelanjaan sewaan kenderaan, gaji kakitangan kontrak pentadbiran & kawalan keselamatan, perubatan kakitangan dan pelajar, latihan kakitangan dan aktiviti pelajar, pemberian biasiswa kepada pelajar serta belanja mengurus jabatan/fakulti/pusat/institut/bahagian yang

menyokong kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Pembiayaan melalui sumber dalaman ini bukan hanya menggunakan hasil semasa Universiti tetapi turut melibatkan penggunaan rezab Universiti sejak tahun 2017. Keadaan ini mengakibatkan rezab Universiti semakin berkurang dan baki rezab sedia ada hanya

mencukupi untuk membiayai belanja operasi Universiti untuk tempoh satu bulan. Oleh yang demikian, rezab tersebut tidak mampu untuk menampung keperluan perbelanjaan kritikal yang semakin meningkat sejajar dengan peningkatan usia universiti.

Cabar utama akan mendatang; lantas apa pun usaha kita selepas ini bagi meningkatkan kelestarian

Kewangan universiti dengan sumber-sumber yang terhad merupakan fasa yang perlu kita tempuh bersama. Dan sesungguhnya ia bukan mudah, bak kata ‘pepatah’ ‘berperang & berjuang untuk mendapat kemerdekaan daripada penjajahan itu adalah lebih mudah berbanding berperang & berjuang untuk mengekal & mengisi kemerdekaan’.

Oleh itu adalah penting untuk kita semua merancang perbelanjaan dan memastikan kita melaksanakan apa yang telah di rancang dan berbelanja secara berhemat.

Antara Dua perkara pokok dalam strategi perbelanjaan berhemat Universiti adalah seperti berikut:

- **PERTAMA: KAWALAN PERBELANJAAN**

Adalah menjadi tanggungjawab kepada semua Ketua PTJ dalam memastikan pengurusan kewangan di PTJ dikendalikan berdasarkan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan mengikut peraturan berkuatkuasa Universiti serta menjadikan amalan perbelanjaan berhemat dan Value for Money sebagai panduan dalam menguruskan perbelanjaan.

Ketua PTJ juga hendaklah memastikan perbelanjaan sesuatu program/ aktiviti/ projek adalah berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang telah diluluskan serta mencukupi dengan mengambil beberapa aspek berikut :

1. Mengawal perbelanjaan bagi kerja lebih masa oleh kakitangan di bawah seliaan Jabatan/ Fakulti/ Pusat/ Institut/ Bahagian (JFPIB). Ketua PTJ dan

Pegawai yang mengarahkan kerja lebih masa hendaklah berpuas hati bahawa kerja lebih masa merupakan benar-benar mustahak untuk disiapkan atau dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

2. Perbelanjaan bagi perjalanan di dalam negeri/ ke luar negara hendaklah dihadkan kepada perjalanan yang benar-benar perlu sahaja dengan bilangan

pegawai yang minima dan kaedah perjalanan yang menjimatkan, tertakluk kepada jumlah peruntukan yang telah diluluskan dan mencukupi untuk menampung perbelanjaan sehingga hujung tahun.

3. Memastikan penggunaan kad kredit korporat PTJ digunakan secara optimum untuk tempahan tiket kapal terbang dan penginapan bagi semua

kakitangan di bawah seliaannya untuk tujuan penjimatan.

4. Membuat perbandingan harga untuk memastikan pembelian tiket adalah berpatutan dan secara berhemah berdasarkan syarikat penerbangan dan kategori tambang tiket (jenis tiket)

5. Menggalakkan tempahan bilik secara berkongsi bagi pegawai yang sama jantina dan penginapan hotel hendaklah berhampiran dengan lokasi tugas rasminya. Kelulusan Ketua PTJ hendaklah diperolehi sebelum membuat tempahan penginapan sekiranya Pegawai menginap di luar lokasi. Perbandingan kos dan justifikasi perlu disediakan bagi tujuan pertimbangan kelulusan.

Ketua PTJ juga hendaklah memastikan tanggungan tahun lalu yang belum dijelaskan atau pelaksanaan sesuatu keputusan baharu ditampung melalui penjimatan peruntukan tahun semasa, dilakukan secara *trade-off* dengan Dasar Sedia Ada atau menyusun semula keutamaan perbelanjaan masing-masing bagi

memperoleh penjimatan untuk menampung keperluan (jika ada).

Pegawai Pengawal hendaklah memastikan semua peruntukan yang diluluskan mempunyai jadual pelan tindakan supaya peruntukan yang disalurkan dapat dibelanjakan mengikut perancangan sebelum akhir

tahun. Perbelanjaan secara ^{puncak}~~bunching~~ pada penghujung tahun hendaklah dielakkan.

Sehubungan itu, ketua-ketua JFPIU diseru untuk tidak mengambil remeh akan perkara tersebut bagi "Melaksana dan mengamalkan Sistem Pengurusan Kewangan dengan berintegriti, telus dan bertanggungjawab".

- **KEDUA: USAHA-USAHA MENINGKATKAN HASIL UNIVERSITI**

UMS perlu mengenalpasti dan menyediakan sumber-sumber yang mencukupi untuk menampung ketidakcukupan peruntukan Geran Mengurus oleh KPM dengan:

1. Mempergiatkan Aktiviti Penjanaan Pendapatan PTJ
Bagi Mengurangkan Kebergantungan Kepada Dana
Daripada Universiti
2. Pemantapan Pusat Pelaburan Dan Endowmen
3. Memperkasakan PLUMS
4. Mengkaji Semula Kadar Yuran Pascasiswa &
Antarabangsa

5. Mengenalpasti ketirisan Yang Boleh dikurangkan seperti mengemaskini proses kerja untuk mengurangkan birokrasi dan meningkatkan kecekapan.
6. Mempergiatkan Aktiviti Bagi Mendapat Sumbangan Endowmen (Philantropy)
7. Melaksanakan Aktiviti Mygift & Alumni (Aktiviti Alumni)

8. Meningkatkan Kerjasama Syarikat – Fakulti Bagi Membantu . Fakulti Dan Universiti Dalam Mendapatkan Dana Luar
9. Memastikan pulangan terbaik kepada wang universiti seperti Simpanan Tetap dan lain- lain instrument kewangan daripada instituti kewangan (Bank)

10. Mempergiatkan Akitiviti Pengkomersilan ruang
Dan Instrumentasi
11. Menstruktur semula Anak Syarikat

Saya berharap dengan adanya bengkel bajet seperti ini, perbelanjaan universiti lebih terancang dan dapat meningkatkan kelestarian kewangan Universiti.

Saya juga ingin menyeru kepada semua pihak untuk memberi kerjasama sepenuhnya kepada Jabatan Bendahari dalam mengurus hal ehwal kewangan Universiti dan bersama-sama memikul tanggungjawab dalam membelanjakan wang Universiti secara berhemat.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para hadirin sekalian atas

sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan Bengkel Halatuju Bajet 2020/2021 ini.

Agipulah Mhd Syaf Dabik NC
Dengan itu, serta dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan ini "menutup/merasmikan Bengkel Halatuju Bajet 2020/2021".

Sekian wasalam

ms 33 drpd 33